



## PEKELILING NAIB CANSOLOR

### Bilangan 01 Tahun 2023

## TAWARAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT STAF PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menjemput staf pentadbiran Kumpulan Pengurusan dan Profesional Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang memenuhi syarat-syarat kelayakan dan sedang berkhidmat untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

### LATAR BELAKANG

2. Setiap Skim Perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlulah memenuhi syarat-syarat umum seperti berikut:

- Disahkan ke dalam perkhidmatan.
- Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan.
- Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan / Jabatan.

3. Selain itu, seseorang pegawai yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat juga perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Bebas dari hukuman tatatertib / jenayah.
- Telah menandatangani Surat Aku Janji.
- Telah mengisytiharkan harta.

4. Jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti berikut:

<b>Jawatan</b>	Ketua Pustakawan		
<b>Gred Jawatan</b>	VU7		
<b>Kekosongan</b>	1		
<b>Syarat Kelayakan</b>	Ketua Timbalan Pustakawan Gred S54 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Ketua Pustakawan Gred VU7 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan</li> <li>▪ diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.</li> </ul>		
<b>Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)</b>	<b>Gred Gaji VU7</b>		
	<b>Minimum</b>	<b>Maksimum</b>	<b>Kadar KGT</b>
	RM7,676.00	RM20,592.00	9%

## PELAKSANAAN

5. Tatacara permohonan adalah seperti berikut:
- 5.1 Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui **Sistem e-Kenaikan Pangkat** dengan melayari laman web UiTM dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.
- 5.2 Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen berikut kepada Urusetia Jawatankuasa kenaikan pangkat sebelum tarikh tutup permohonan:

<b>Bil.</b>	<b>Dokumen / Perkara</b>	<b>Jumlah Salinan Yang Diperlukan</b>
1.	Folio Peribadi yang lengkap (Boleh dimuat turun melalui sistem e-Kenaikan Pangkat).	1 Salinan
2.	Salinan sijil akademik <b>terkini</b> (jika ada) yang telah disahkan benar daripada salinan asal.	1 Salinan

**Nota:** Salinan sijil-sijil penghargaan / latihan / lantikan Jawatankuasa / lain-lain berkaitan **TIDAK** perlu disertakan. Salinan sijil-sijil tersebut boleh dibawa semasa temu bual.

- 5.3 Permohonan yang tidak lengkap adalah dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta merta.
- 5.4 Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- 5.5 Pemohon akan dipanggil untuk sesi temu bual sebelum perakuan oleh Majlis Sumber Manusia (MSM) dan keputusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- 5.6 Tarikh tutup permohonan adalah pada **15 Jun 2023**.  
(Permohonan yang diterima selepas tarikh ini **tidak** akan diproses)
- 5.7 Permohonan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Bahagian Kemajuan Kerjaya Jabatan Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Pendaftar Universiti Teknologi MARA 40450 Shah Alam <b>SELANGOR</b>
--

#### **TARIKH DIKELUARKAN**

6. Pekeliling dikeluarkan pada 01 Jun 2023.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

7. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **01 Jun 2023**.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR)**  
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:

- Majlis Eksekutif Universiti
- Semua Penolong Naib Canselor
- Semua Dekan Kolej Pengajian / Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-BPD (PT.6/3)

No. Siri : 100-UiTM (NC/2) 01 / 2023